



**KENYATAAN SEBUT HARGA  
JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI NEGERI PERAK DAN KEDAH**

Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut :

Kontraktor **DIWAJIBKAN** untuk membuat pendaftaran dalam talian di pautan link seperti di bawah:

<https://forms.gle/PRmXHPCaBeHoRRQS8>

**Tarikh / Masa Pendaftaran:**

**4 April 2026 - 7 April 2026  
1.00 petang - 4.30 petang**

NO. SEBUT HARGA	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN MASA PETI TAWARAN DITUTUP
<b>JAKOA/ PK/SH/2026/03</b>	<b>KERJA PEMBINAAN JALAN KONKRIT DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG ORANG ASLI BAL, RPS KEMAR, DAERAH HULU PERAK, PERAK.</b>	CIDB : Gred G2 (Negeri Perak)  Kategori :  CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam)  Pengkhususan :  <b>CE01</b> (Pembinaan Jalan dan Pavemen)  <b>CE21</b> (Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Awam)	<b>14hb April 2026</b> (Selasa)  (Pendaftaran Bagi Yang Layak Sahaja) 11:00 pagi hingga 12.00 t/hari  <b>(Berkumpul dan Taklimat / Lawatan Tapak Di Dewan Komuniti KOA Bal, RPS Kemar, Hulu Perak)</b>  12.00 t/hari hingga selesai  <b>Telefon:</b>  05-791 2268 (JAKOA Daerah Hulu Perak)	<b>21 April 2026</b> (Selasa)  <b>Jam:</b>  12.00 Tengah Hari

**Arahan dan Syarat-syarat Menyertai Sebut Harga :**

1. Hanya Kontraktor/syarikat yang mendaftar melalui *link google form* yang disediakan sahaja boleh turut serta dalam proses taklimat / lawatan tapak sebut harga.
2. Untuk maksud ini kontraktor/ syarikat hendaklah **MEMUATNAIK** bersama di link pendaftaran **SALINAN SIJIL** bagi :-
  - i. Salinan Kad Pengenalan Pemilik Syarikat (berpalang)
  - ii. Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (PKK);
  - iii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
  - iv. Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB);
  - v. Sijil Tax Compliance Certificate (TCC) yang mematuhi.

**\*\*sekiranya dokumen tidak lengkap dimuatnaik, syarikat tersebut tidak akan disenarai pendek dan menjejaskan peluang untuk menyertai sebut harga.**

3. Hanya **PENAMA** yang tercatat dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat sebut harga. Kontraktor/Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakili pegawai selain dari penama sijil tersebut. **SURAT WAKIL TIDAK AKAN DITERIMA SAMA SEKALI**. Kegagalan tuan/puan menyertai taklimat tersebut menyebabkan penyertaan tuan/puan akan **DITOLAK**. Kontraktor/syarikat adalah digalakkan untuk turut sama menyertai lawatan tapak selepas taklimat diadakan.
4. **Hanya satu (1) alamat email layak didaftarkan untuk satu syarikat yang menyertai sebut harga.**
5. Senarai kontraktor yang berjaya mendaftar dan layak akan di hubungi melalui email untuk kehadiran taklimat / lawatan tapak.
6. Dokumen Sebut Harga akan diedarkan selepas sesi **TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK** kepada kontraktor yang **HADIR** sahaja.
7. Penyebutharga adalah diingatkan supaya mencatat dengan jelas harga yang ditawarkan di ruangan yang disediakan.
8. Dokumen sebutharga yang **LEWAT** tidak akan dipertimbangkan. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor sebutharga **JAKOA/PK/SH/2026/03** di sebelah atas kiri dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di :

**JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI NEGERI PERAK DAN KEDAH,  
TINGKAT 2, BLOK A, BANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,  
30000 IPOH, PERAK.**

9. Jika dokumen sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan **POS BERDAFTAR/ KURIER**, kontraktor hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

BIL.	NAMA PEGAWAI	NO. TELEFON	E-MEL	BAHAGIAN
1	Puan Noor Lyana bt Mat Isa	05 254 0009 ext 116	<a href="mailto:noorlyana@jako.gov.my">noorlyana@jako.gov.my</a>	Unit Perolehan JAKOA Negeri Perak dan Kedah

**\*Tarikh Iklan : 4hb April 2026**